

Mahathir bidas golongan yang pentingkan diri

1 DEC 1984

ALOR STAR, **Jumaat** — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini membidas golongan yang hanya mementingkan diri sendiri dan mengepikan kepentingan masyarakat.

Perdana Menteri berpendapat sikap demikian amat tidak se-cocok dengan masyarakat negara ini yang mengamalkan nilai-nilai kemasyarakatan yang murni.

Beliau merasmikan perstdangan perwakilan kesembilan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan meeyusrat agung koperaai KGMMB di **Universiti Utara Malaysia**, 16 kilometer dari sini.

Katanya, nilai mengutamakan kepentingan individu yang diamalkan

oleh masyarakat barat tidak sesuai kerana ia menimbulkan pelbagai kclakuan yang tidak se-cocok dengan nilai dan adat tempatan.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana ada scbilangan pelajar Malaysia yang menuntut di barat terpengaruh dengan nilai-nilai itu dan cuba mengamalkannya skembali ke tanahair.

Unsur

Beliau menegaskan ilmu pengetahuan yang tinggi tidak akan berguna sekiranya mereka mempunyai tingkah laku dan kelakuan yang tidak se-cocok dengan nilai-nilai masyarakat negara ini.

Perdana Menteri juga membidas golongan yang tidak bersyukur atas nikmat dan pertolongan yang diterima khususnya pelajar yang mendapat biasiswa kerajaan.

Katanya, golongan itu beranggapan bahawa segala kemudahan dan pertolongan menjadi hak mereka dan mereka tidak perlu bersyukur atau berterima kasih kepada pemberinya.

Beliau scdih golongan itu juga beranggapan bahawa masyarakat terhutang budi kepada mereka dan bukan mereka yang terhutang budi kepada masyarakat kerana menikmati kemudahan melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Memandangkan perkembangan itu beliau meminta semua pihak khususnya guru dan ibu bapa supaya memberi penekanan terhadap pendidikan akhlak kepada anak-anak.

"Semua pihak perlu berusaha untuk menyampaikan nilai-nilai yang baik bagi menjamin masyarakat tidak mempunyai banyak maaalah sosial," tambahnya.

Menurut **Perdana Menteri** sifat-sifat seperti amanah, disiplin, bersih dan cekap sentiasa perlu dipupuk sentiasa bagi memastikan negara akan mempunyai pemimpin-pemimpin dan anggota masyarakat yang dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan berkesan.

Mengenai Bahasa Malaysia, **Datuk Seri Dr Mahathir** menegaskan ia adalah satu unsur kebangsaan yang perlu dipertahankan dan diberi kedudukan yang sewajarnya.

Beliau gembira kerana KGMMB telah bertava melaksanakan perjuangannya dalam soal bahasa dan politik dan berharap ia dapat diteruskan bagi menghadapi cabaran lebih besar.

Katanya, memang tidak dapat dinafikan negara telah mencapai banyak kejayaan di bi-

dang pelajaran yang telah membawa perubahan dan kemajuan kepada rakyat dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu golongan pendidik mempertingkatkan usaha mereka memberi pelajaran dan didikan kepada anak bangsa agar mereka menjadi golongan yang berilmu dan berakhlak tinggi untuk berkhidmat dan berbakti kepada agama, nusa dan bangsa.